

# Lambakan ubat tiruan cabaran kritikal

## Sektor kesihatan awam dunia hadapi persaingan kerana kekurangan asas ubatan

BH m/s 9 7/8/07

Oleh Hafizah Iszahanid

### INFO

#### Ubat tiruan dengan sildenafil

- Spanish fly
- Power
- Enjoy - male energy
- Blue boy - sen X big
- Euriko gingo
- Bao zhi tang
- Stallion
- Zhong mei bao jian
- Permanence
- PMEN

#### Ubat tiruan dengan racun berjadual

- Air ikan haruan
- Tongkat ali *super power*
- Maajun kuat
- Kapsul tongkat ali asli
- Pil *power sendi*
- Pil *redung*

KINI, enam hingga 10 peratus pasaran farmaseutikal dunia di dominasi ubatan tiruan. Daripada jumlah itu, 30 hingga 50 peratus penjualannya bertumpu di negara membangun. Tidak dapat dinafikan ubat tiruan sudah menjadi fenomena dalam industri farmaseutikal. Dengan nilai mencecah RM129.5 bilion ketika ini saja, bayangkan nilainya 10 tahun akan datang jika anggaran peningkatan pasaran 13 peratus setiap tahun.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendefinisikan, ubat-ubatan tiruan sebagai ubat disengajakan pemalsuan supaya menyerupai keluaran asal. Pemalsuan itu termasuk jenama atau produk generik, ramuan yang betul dengan jenama salah, ramuan salah dengan jenama betul, kandungan ubat tanpa bahan aktif, kandungan ubat tanpa bahan aktif yang lengkap atau pembungkusan palsu.


Seperti kata Prof Anthony Moffat dari Sekolah Farmasi Universiti London yang ditanyai pada Perisidangan Peredaran Far

undangan dan pelaksanaan ketat seperti Australia, Jepun dan Kanada, ubat tiruan masih boleh menembusi pasaran farmaseutikalnya, walaupun hanya membabitkan satu peratus jualan.

Di negara Eropah, statistik penggunaan ubat-ubatan tiruan adalah lima kali ganda dari tahun lalu. Ia bukan datang dari India dan China saja, malah dari Amerika Syarikat. Di negara Afrika dan sesetengah negara Asia dan Amerika Latin, jualan ubat tiruan mencecah 30 peratus.

Kes membabitkan pembelian ubat tiruan di internet pula sebanyak 50 peratus. Reggie berkata, Pertubuhan Kastam Sedunia membuat 4,000 rampasan membabitkan ubat tiruan untuk 2004 saja.

Di mana Malaysia dalam lambakan ubat tiruan di pasaran negara membangun dan negara miskin? Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, Ahmad Nozrin Taharin berkata, di negara kita semua ubat dibekalkan di semua hospital kerajaan datang daripada syarikat yang dikawal oleh kera-



...ian Farmasi Universiti London yang  
ditemui pada Persidangan Persatuan Far-  
masi Negara Komanwel ke sembilan baru-  
baru ini, ubat-ubatan tiruan sebenarnya  
cabaran sangat besar dalam kesihatan  
awam.

Dengan pembikinan tidak mencapai pia-  
waiian antarabangsa, ia bukan saja berisiko  
menjahanamkan kesihatan pengguna, ma-  
lah lebih buruk boleh membawa maut jika  
kandungannya berunsur toksik.

Namakan apa saja bentuk, tablet, kapsul  
atau serbuk, ubat tiruan tidak terhenti di  
satu negara. Mungkin bahan mentahnya di-  
hasilkan di negara A, ia kemudian diekspor  
ke negara B untuk diproses sebelum di-  
pasarkan di negara C.

Justeru, sesiapa saja di dunia ini boleh  
terbeli ubat tiruan yang mungkin dibungkus  
menyerupai jenama asli. Atau mungkin da-  
lam bentuk tablet sama dengan produk asli,  
tetapi tidak mengandungi ramuan yang be-  
tul.

Kewujudan ubat tiruan buat pertama ka-  
linya disebut dalam persidangan WHO mem-  
babitkan pakar dalam industri di Nairobi,  
Kenya pada 1985. Awalnya, kebanyakan pen-  
geluar ubat tiruan dikatakan datang dari  
negara membangun, China dan India, tetapi  
hari ini pengeluar dan pasaran ubat tiruan  
berada di seluruh dunia.

Menurut laporan WHO, antara Januari  
1999 hingga Oktober 2000, 46 laporan men-  
genai ubat tiruan diterima dari 20 negara.  
Hampir 60 peratus laporan datang dari ne-  
gara membangun, manakala selebihnya dari  
negara maju.

Anehnya, seperti kata wakil WHO, Dr Va-  
lerio Reggie, pengeluar ubat-ubatan tiruan  
tidak pula dikenakan hukuman bunuh se-  
perti pengedar dadah, walaupun secara asasnya  
penggunaan ubat-ubatan tiruan dengan  
kerap boleh menyebabkan ketagihan, kero-  
sakan organ utama dan kematian.

Di sesetengah negara miskin dan mem-  
bangun, penjualan ubat-ubatan tiruan men-  
cecah ke tahap sangat kronik kerana ke-  
kurangan bekalan ubat-ubatan asas. Jika ada,  
harga ubat-ubatan tulen ini sangat mahal.

- Pil resdung
- Jamu ajaib
- Kian pee wan
- Mixagrip
- Pil haruan

**Sumber: Biro Perkhidmatan Farmasi,  
Kementerian Kesihatan**

Ia ditambah dengan faktor kawalan dan  
pelaksanaan undang-undang juga tidak ce-  
kap. Justeru, ubat tiruan adalah jawapan  
terbaik, walaupun sebenarnya pengguna ju-  
ga langsung tidak sedar.

Di sebabkan semua faktor itu, ubat tiruan  
tidak terhad kepada makanan tambahan,  
malah merangkumi ubat antibarah, anti-  
biotik, ubat untuk kolesterol, darah tinggi,  
hormon, steroid, malah ubat penahan sa-  
kit.

Di sesetengah negara membangun pula,  
isu paling mengganggu adalah kewujudan  
ubat tiruan bagi penyakit mengancam ny-  
awa seperti malaria, batuk kering, malah  
HIV/Aids.

Di kalangan negara industri dan sese-  
tengah negara miskin, pembelian ubat me-  
nerusi internet adalah sumber utama ubat  
tiruan. Sesetengah farmasi internet bukan  
saja menjual ubat tiruan, malah farmasi  
itu sendiri haram daripada sudut opera-  
sinya.

Ada kes membabitkan farmasi internet  
yang bukan saja tidak dapat dikesan lokasi  
operasinya, malah menjual produk yang tu-  
rut tidak diketahui sumbernya.

Walaupun kebanyakan sasaran ubat ti-  
ruan adalah negara miskin dan membangun,  
pengalaman pengeluar farmasuetikal terke-  
muka, Pfizer membawa dimensi baru ubat  
tiruan. Jika sebelum 1995, mereka banyak  
menemui ubat tiruan di negara membangun,  
pada 1999 (empat tahun selepas penghasilan  
Viagra), viagra tiruan ditemui di Britain.  
Sejak itu viagra tiruan ditemui di 73 negara  
di seluruh dunia!

Di negara yang dikatakan memiliki per-

jaan.

“Bagaimanapun itu tidak bermakna ubat  
tiruan tidak wujud di Malaysia. Berdasarkan  
kajian Kementerian pada 1997, 5.28 peratus  
ubat-ubatan di pasaran adalah ubat tiruan,”  
katanya.

Tahun lalu, daripada hasil kajian dibuat  
Pfizer mendapati 4.8 peratus ubat di pasaran  
adalah ubat tiruan. Tahun lalu juga daripada  
32,067 rampasan dibuat Biro Perkhidmatan  
Farmasi, 245 adalah tiruan.

Sehingga Januari 2007, 129 daripada 13,774  
rampasan adalah ubat tiruan membabitkan  
jenama dan produk yang berulang.

Sesuatu yang menarik, di Malaysia ke-  
banyakan ubat tiruan adalah ubat-ubatan  
herba. Lebih menarik, kebanyakan ubat itu  
adalah ‘ubat kuat’. Antaranya tongkat *ali  
super power*, maajun kuat, *spanish fly*, kapsul  
tongkat ali asli.

Kebanyakan ubat tiruan ini disahkan me-  
ngandungi racun berjadual oleh Biro Per-  
khidmatan Farmasi, manakala *spanish fly*  
disahkan mengandungi *sildenafil*.

Ahmad Nozrin berkata, pada Mei 2005,  
kementerian memperkenalkan logo holog-  
ram bagi menangani fenomena ubat tiruan.  
Sejak itu, jumlah ubat tiruan yang disita  
menurun setiap tahun. Begitupun ia tidak  
bermakna ia sudah berjaya ditangani se-  
penuhnya.

Apatah lagi, selain masalah ubat tiruan, di  
Malaysia wujud lambakan ubat-ubatan her-  
ba yang dihasilkan tanpa kajian dan ujian  
klinikal. Sama ada dalam bentuk tablet, kap-  
sul dan pil ia turut dipromosikan sebagai  
makanan tambahan. Begitupun sejauh mana  
keberkesannya pada pengguna turut di-  
pertikaikan.

Dalam hal ini, kerajaan tidak boleh di-  
salahkan kerana menerusi Rancangan Ma-  
laysia Kesembilan (RMK-9), sejumlah dana  
sudah disediakan menerusi Kementerian  
Sains, Teknologi dan Inovasi. Menerusi da-  
na berkenaan golongan berkaitan boleh be-  
kerjasama dengan universiti tempatan da-  
lam menjalankan kajian dan ujian klini-  
kal.

“Ubat-ubatan tiruan  
sebenarnya cabaran  
sangat besar dalam  
kesihatan awam”

**Prof Anthony Moffat**  
Dati Sekolah Farmasi Universiti London



“Berdasarkan kajian  
kementerian pada  
1997, 5.28 peratus  
ubat-ubatan di pasaran  
adalah ubat tiruan”

**Ahmad Nozrin Tahirin**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perkhidmatan  
Farmasi, Kementerian Kesihatan